



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-81-06/2014]**

ANTARA

AHMAD HASSAN

...

PEMOHON

DAN

1. **TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA** ... **RESPONDEN-**
2. **PENGUASA KANAN PUSAT PEMULIHAN AKHLAK** ... **RESPONDEN**
BATU GAJAH, PERAK
3. **KETUA POLIS NEGARA MALAYSIA**

ALASAN PENGHAKIMAN

KAMARDIN HASHIM, H:

[1] Melalui Notis Usul bertarikh 13 Jun 2014 (Lampiran 3), pemohon memohon untuk satu *Writ Habeas Corpus* dikeluarkan bagi membebaskan pemohon daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak (“PPA Batu Gajah”). Alasan permohonan pemohon adalah bahawa terdapatnya pelanggaran terhadap hak beliau yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas 1985 (“Akta LLPK”), di bawah mana satu Perintah Tahanan bertarikh 4 April 2014 selama dua tahun (“PT tersebut”) telah dikeluarkan oleh Responden Pertama ke atas pemohon. Pemohon seterusnya meminta supaya beliau dilepas dan dibebaskan daripada PT tersebut dengan serta merta.

[2] Permohonan pemohon dalam Notis Usul tersebut disokong oleh Afidavit Pemohon yang telah diikrarkan pada 5 Jun 2014 (“Afidavit Pemohon tersebut”), menyatakan alasan-alasan bagi permohonan pemohon. Dalam

Afidavit Pemohon tersebut, antara lain, pemohon menyatakan bahawa beliau telah ditangkap oleh pihak polis pada 6 Februari 2014 semasa berada di rumah. Beliau kemudian telah berada di dalam tahanan selama 58 hari sebelum PT tersebut dikeluarkan oleh Responden Pertama terhadap beliau untuk selama tempoh 2 tahun bermula dari 4 April 2014 di PPA Batu Gajah. Pemohon menafikan beliau pernah dan ada terlibat dengan sebarang aktiviti pengedaran dadah berbahaya sebagaimana didakwa oleh pihak polis.

[3] Walaupun di dalam Afidavit Pemohon telah membangkitkan beberapa isu yang didakwa sebagai pencabulan hak perlembagaan beliau serta ketidakpatuhan peruntukan di bawah Akta LLPK, namun pada peringkat pendengaran permohonan pemohon, peguambela menyatakan hanya akan meneruskan dengan satu isu sahaja, iaitu, isu sama ada terdapat satu atau dua kali pendengaran representasi pemohon di hadapan Lembaga Penasihat.

[4] Isu berkaitan persidangan Lembaga Penasihat telah dinyatakan oleh peguambela terpelajar bagi pemohon, Dato' N. Sivananthan di dalam Afidavit Tambahan yang telah diikrarkan oleh beliau pada 1 Julai 2014 di Lampiran 19 ("Afidavit Tambahan tersebut"). Dalam Afidavit Tambahan tersebut, peguambela telah merujuk kepada Afidavit Jawapan daripada Raja Hasyimah Binti Raja Bongsu yang diikrarkan pada 4 Julai 2014 ("Afidavit Raja Hasyimah") dan menyatakan bahawa kemungkinan terdapat dua kali persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan bagi mendengar representasi pemohon. Peguambela seterusnya menyatakan bahawa beliau telah hadir mewakili pemohon dalam persidangan yang telah diadakan pada tarikh 27 Mei 2014, tetapi pada persidangan kali yang kedua, pemohon tidak pernah diberitahu mengenainya dan pemohon telah tidak diwakili oleh peguambela walaupun pemohon menuntut hak tersebut diberikan kepada beliau.

[5] Perenggan 9 Afidavit Raja Hasyimah (di Lampiran 10) yang dirujuk oleh peguambela terpelajar, menyatakan antara lain, seperti berikut:

“9. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pendengaran representasi Pemohon telah diadakan pada 27-05-2014 dan dipengerusikan oleh Y.A DATO’ FAIZA BINTI ZULKIFLI bersama anggota Lembaga Penasihat iaitu Y.M RAJA HJ. NORDDIN BIN RAJA ZAINAL ABIDIN....dan PUAN GOH SUAN IM... Dengan kehadiran Pemohon. Pemohon telah hadir di hadapan Lembaga Penasihat dengan diwakili oleh peguam Pemohon iaitu Dato’ N. Sivananthan dari Tetuan Sivananthan. Pemohon telah menggunakan peluang representasi dengan sempurna. Saya seterusnya menegaskan bahawa Pemohon telah diberikan hak untuk memanggil saksi-saksi dan diwakili peguam.....Lembaga Penasihat telah membekalkan ENCIK MOHD KHAIRULLAH BIN OSMAN sebagai pemudah cara... ..”

[6] Peguambela tidak mempertikaikan bahawa hak pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat telah disempurnakan pada 27 Mei 2014. Peguambela bagaimanapun musykil tentang kemungkinan terdapatnya satu lagi persidangan Lembaga Penasihat untuk mendengar representasi pemohon telah diadakan pada 9 Jun 2015. Kemusykilan tersebut timbul dalam Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Mohd Khairullah Bin Osman bertarikh 4 Julai 2014 di Lampiran 11 (“Afidavit Mohd Khairullah”).

[7] Perenggan 5 Afidavit Mohd Khairullah men Deposkan seperti berikut:

5. Pada **09-06-2014** jam 9.00 pagi di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak saya telah ditugaskan sebagai pemudahcara di sepanjang persidangan representasi Pemohon dan adalah menjadi kewajipan saya untuk membantu Pemohon dalam segala prosiding pendengaran representasi tersebut. Sebelum prosiding dijalankan, pihak Lembaga Penasihat telah mengarahkan saya untuk berbual-bual terlebih dahulu dengan Pemohon di dalam Bahasa Malaysia bagi memastikan Pemohon faham Bahasa Malaysia yang digunakan. Setelah berpuas hati Pemohon faham Bahasa Malaysia yang digunakan, saya telah memaklumkan kepada pihak Lembaga Penasihat bahawa Pemohon

faham Bahasa Malaysia yang digunakan. Seterusnya, prosiding representasi telah dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan dibantu oleh saya sebagai pemudah cara.

[8] Peguambela terpelajar berhujah terdapat percanggahan antara pengataan oleh Mohd Khairullah Bin Osman dengan pengataan oleh Raja Hasyimah Binti Raja Bongsu mengenai tarikh sebenar representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat. Walaupun terdapat Afidavit Balasan diikrarkan oleh Raja Hasyimah Binti Raja Bongsu bertarikh 24 Julai 2014 (“Afidavit Balasan Raja Hasyimah”) yang menafikan terdapat satu lagi persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon pada 9 Jun 2014, peguambela berhujah percanggahan yang terdapat di perenggan 5 Afidavit Mohd Khairullah masih kekal wujud oleh kerana tiada afidavit pembetulan telah diikrarkan oleh deponan tersebut.

[9] Peguambela juga berhujah, memandangkan syor kepada Yang Di-Pertuan Agong telah dihantar oleh Lembaga Penasihat pada tarikh 9 Jun 2014, maka ada kemungkinan representasi kedua bagi pemohon telah didengar pada 9 Jun 2014. Sekiranya benar terdapat representasi kedua tersebut, ini bermakna hak perlembagaan pemohon telah dinafikan dan prosedur di bawah Akta LLPK serta Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)(Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 (“Kaedah LLPK”) telah turut dicabuli oleh kerana tiada Borang II diserahkan kepada pemohon untuk hadir dalam persidangan tersebut, yang telah diadakan pada 9 Jun 2014.

[10] Peguambela berhujah hak pemohon untuk diwakili oleh peguambela seperti dijamin di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan telah dinafikan dalam persidangan pada 9 Jun 2014. Peguambela merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Hanif bin Mohd Sharif v. PP* [2011] 5 MLJ 85 untuk menyokong hujahan beliau. Dalam kes itu, Suriyadi JCA (ketika itu) telah merujuk kepada kes *Pett v. Greyhound Racing Association Ltd* [1968] 2 All ER 545 yang telah memutuskan seperti berikut:

“It is not every man who has the ability to defend himself on his own. He cannot bring out the points in his own favour or the weaknesses in the other side. He may be tongue-tied or nervous, confused or wanting in intelligence. He cannot examine or cross-examine witnesses. We see it every day. A magistrate says to a man ‘you can ask any question you like’; whereupon the man immediately starts to make a speech. If justice is to be done, he ought to have the help of someone to speak for him; and who better than a lawyer who has been trained for the task? I should have thought, therefore, that when a man’s reputation or livelihood is at stake, he not only has a right to speak by his mouth. He has also a right to speak by counsel or solicitor”.

[11] Peguambela merujuk kepada Borang I yang dipamerkan dalam Afidavit Raja Hasyimah (Ex. “RH-1”) di mana dengan jelasnya menunjukkan bahawa pemohon bercadang untuk hadir semasa persidangan Lembaga Penasihat dan bercadang untuk diwakili oleh peguambela. Peguambela turut merujuk kepada Kaedah 5 dalam Kaedah LLPK yang memperuntukkan tentang pendengaran representasi orang tahanan. Kaedah 5 tersebut menyatakan:

5. (1) Subject to the provisions of this Act, when any representation is received by the Secretary, the Chairman shall appoint a time and place for the consideration of the representation by the Board and shall cause a notice thereof in Form II in the Schedule to be served on the detained person and his advocate if such advocate is named in Form I.

(2) At the time and place appointed, the detained person may appear before the Board either in person or with his advocate or be represented by his advocate

(3) The detained person or his representative, as the case may be, may address the Board orally to substantiate or amplify the grounds or reasons given in Form I.

(4) The Board may proceed to consider and determine –

(a) *in the case of where the detained person or his representative being present, after hearing the address given if any; or*

(b) *in the case of where the detained person or his representative if not present, the written representation made in Form I only.*

[12] Peguambela terpelajar turut merujuk kepada keputusan Lim Yee Lan JC (sekarang JCA) dalam kes *Parasuraman a/l Velu v. Ketua Polis Negara, Malaysia & Ors* [2006] 5 MLJ 764 yang telah memutuskan bahawa hak orang tahanan untuk diwakili oleh seorang peguam semasa prosiding di hadapan Lembaga Penasihat adalah merupakan satu hak yang nyata dan substantif serta dijamin di bawah Perlembagaan, Akta LLPK dan Kaedah LLPK dan ianya hendaklah dipatuhi.

[13] Dato' N. Sivananthan berhujah bahawa pemohon tidak diserahkan dengan Borang II untuk persidangan Lembaga Penasihat yang diadakan pada Jun 2014. Afidavit Balasan Raja Hasyimah mengakui bahawa tiada Borang II telah dikeluarkan oleh kerana tidak ada persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 9 Jun 2014 untuk mendengar representasi pemohon. Sebaliknya, Raja Hasyimah dalam Afidavit yang sama menegaskan representasi pemohon telah selesai didengar pada 27 Mei 2014 dan tiada keperluan untuk mengadakan pendengaran seterusnya. Raja Hasyimah menyatakan tarikh 9 Jun 2014 adalah tarikh di mana Lembaga Penasihat telah membuat syor-syor kepada Yang Di Pertuan Agong mengenai penahanan pemohon berdasarkan kepada representasi yang telah didengari oleh Lembaga Penasihat pada tarikh 27 Mei 2014.

[14] Dalam memajukan hujahan beliau bahawa berlaku ketidakpatuhan prosedur dalam penahan pemohon, peguambela berpegang kepada keputusan Amelia Tee Abdullah J dalam kes *Zulkri bin Yakub v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2014] 7 MLJ 91 dimana dalam kes itu wujud keraguan antara pengataan dalam Afidavit Jawapan bahawa

persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada jam 9.00 pagi sedangkan Borang II menetapkan persidangan itu akan dijalankan pada jam 11.00 pagi hari yang sama. YA Puan Hakim telah memutuskan seperti berikut di muka surat 103:

“[38] In this case, the affidavits before the court reveal contradictory evidence as to whether there were one or two hearings on 19 December 2012. According to the Secretary of the board, the hearing was held at 9am. However, the relevant Borang II gives the time of the hearing as 11am. The applicant’s representative was only present at the hearing at 11am. As such, and in reliance on the authority of SK Tangakaliswaran Krishnan, the inference more favourable to the applicant the effect that there was a first hearing before the board at 9am on 19 December 2012 where the applicant was not represented by his counsel can be drawn and accepted by the court. A board hearing held without the applicant’s counsel and at a time which was different from that stated in the Borang II would clearly be in breach of r 5”.

[15] Peguambela berhujah, atas keputusan dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 dan keputusan kes **Zulkri bin Yakub v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors** [supra], permohonan pemohon hendaklah sewajarnya dibenarkan.

[16] TPR Puan Suzanne Ak Tiyon Bimen yang mewakili semua responden dalam hujahan balasnya berhujah bahawa daripada pembacaan Afidavit Jawapan dan Afidavit Balasan yang telah difailkan oleh pihak responden-responden jelas menunjukkan bahawa hanya terdapat satu persidangan Lembaga Penasihat sahaja pada 27 Mei 2014 yang mendengar representasi pemohon. Mengenai tarikh 9 Jun 2014 di perenggan 5 Afidavit Mohd Khairullah, dihujahkan ianya hanya satu kesilapan menaip. Tarikh 9 Jun 2014 sebenarnya adalah tarikh Lembaga Penasihat menghantar syor-syor kepada Yang Di Pertuan Agong. Puan TPR turut berhujah bahawa peguambela hanya

membuat andaian apabila mendakwa wujud satu lagi persidangan Lembaga Penasihat mendengar representasi pemohon pada tarikh 9 Jun 2014.

[17] Puan TPR terpelajar merujuk Mahkamah ini kepada keputusan Balia Yusof Wahi JC (sekarang JCA) dalam kes *Tay Lay Beng v. Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [2004] 8 CLJ 674 yang mana telah memutuskan kesilapan menaip tidak material dan tidak memprejudiskan orang tahanan memandangkan terdapat keterangan yang cukup kuat menunjukkan bahawa ianya berupa satu kesilapan “*mere misstatement and typographical error*”. Di muka surat 680 kes itu, YA Pesuruhjaya Kehakiman (ketika itu) membuat keputusan seperti berikut:

“In my considered view, having perused the facts stated in para. 3 of the affidavit in encl. 7 and exh. “WAN I” accompanying it and as against the whole background of the case and all the other facts which are gathered from the affidavits filed in this application, I hold that the mistake as to the date in para. 3 of encl. 7 is not material and is not prejudicial to the applicant. I accept it as an established fact that the applicant was arrested on 26 March 2003 and clearly the date 10 August 2001 in the said para. 3 is a typographical error at the most. Exhibit “WAN I” reinforces that finding”.

[18] Dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 914, Abdul Hamid Mohamad FCJ (mantan Ketua Hakim Negara) telah menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dengan membuat keputusan seperti berikut:

“In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a habeas corpus application where the detention order of the Minister made under s. 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent ss. In ISA 1960 and DD(SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural

non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance”.

[19] Tugas Mahkamah ini adalah bagi menentukan sama ada berdasarkan fakta kes seperti yang dikemukakan melalui keterangan afidavit, terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap kehendak atau keperluan dari segi prosedur di bawah undang-undang dan kaedah atau peraturan yang ditetapkan atau tidak. Perkara ini turut ditekankan lagi di bawah seksyen 11C Akta LLPK yang memperuntukkan seperti berikut:

11C. (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

(2) The exception in regard to any question on compliance with any procedural requirement in subsection (1) shall not apply where the grounds are as described in section 6A.

[20] Pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap kehendak atau keperluan dari segi prosedur yang ditetapkan di bawah Akta LLPK dan Kaedah LLPK yang cuba ditimbulkan oleh peguambela terpelajar bagi pemohon adalah berdasarkan kepada pengataan di perenggan 5 dalam Afidavit Mohd Khairullah. Kandungan perenggan 5 tersebut seperti diperturunkan di awal penghakiman ini. Di perenggan 5 tersebut, deponan affidavit tersebut telah

mengatakan persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 9 Jun 2014, sedangkan di lain-lain perenggan dalam affidavit deponan yang sama dengan jelasnya menyatakan bahawa persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 27 Mei 2014. Umpamanya, di perenggan 6 dan perenggan 8 Affidavit Mohd Khairullah menyatakan seperti berikut:

6. Representasi oleh Pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat dengan kehadiran Pemohon dan peguam Pemohon iaitu Dato' N. Sivananthan dari Tetuan Sivananthan pada 27-5-2014 jam 9.00 pagi di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak. Saya seterusnya menegaskan bahawa, sebelum prosiding representasi Pemohon dijalankan, Pemohon telah diberikan hak oleh Lembaga Penasihat untuk memanggil saksi-saksi dan diwakili peguam. Pemohon kemudiannya, telah memaklumkan di hadapan Lembaga Penasihat bahawa Pemohon akan diwakili oleh peguam Pemohon iaitu Dato' N. Sivananthan dari Tetuan Sivananthan serta mempunyai dua orang saksi yang HADIR MEMBERI KETERANGAN DI HADAPAN Lembaga Penasihat iaitu pegawai penyiasat kes fail Pemohon, Insp. Che Chan @ Che Sham Bin Hj. Rus dan isteri kepada Pemohon iaitu Miss Rohaning Lateh. Peluang representasi telah digunakan oleh Pemohon sepenuhnya dengan sempurna.

7.....

8. Saya seterusnya menyatakan bahawa persidangan representasi Pemohon telah dijalankan pada 27-5-2014 dan Lembaga Penasihat telah bersidang 1 hari. Pemohon telah hadir dan diwakili oleh peguam Pemohon iaitu Dato' N. Sivananthan dari Tetuan Sivananthan di dalam persidangan tersebut serta peluang representasi telah digunakan oleh Pemohon sepenuhnya dengan sempurna.

[21] Deponan tersebut menyatakan di perenggan 6 dan perenggan 8 Affidavit Mohd Khairullah bahawa persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan selama 1 hari sahaja iaitu pada 27 Mei 2014. Persidangan ini telah dihadiri oleh pemohon yang telah di wakili oleh peguam Dato' N. Sivananthan.

Dalam prosiding tersebut, dua orang saksi telah dipanggil untuk disoal-balas oleh peguam pemohon tersebut dan representasi pemohon telah dijalankan secara sempurna. Persidangan yang berjalan pada tarikh 27 Mei 2014 tersebut serta segala pengataan yang dibuat oleh Mohd Khairullah tidak dipertikaikan oleh peguambela terpelajar bagi pemohon.

[22] Fakta bahawa persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi pemohon telah diadakan pada 27 Mei 2014 turut ditemui dalam Afidavit Raja Hasyimah dan juga dalam Afidavit Balasan Raja Hasyimah. Perenggan-perenggan 6, 7, 9, 12, 13 dan 15 dalam Afidavit Raja Hasyimah dengan tegas menyatakan bahawa representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat dalam prosiding yang telah diadakan pada 27 Mei 2014 jam 9.00 pagi. Pengataan-pengataan di perenggan-perenggan tersebut adalah seperti berikut:

6. *Persidangan pada 23-04-2014 telah ditangguhkan atas permohonan peguam Pemohon melalui surat kerana beliau baru dilantik. Lembaga Penasihat juga telah memaklumkan secara lisan kepada Pemohon tarikh baru persidangan representasi adalah **pada 27-05-2014, jam 9.00 pagi** di PPA Batu Gajah.*

7. *Seterusnya pihak Lembaga Penasihat mengeluarkan Borang II bertarikh 23-04-2014 bagi memaklumkan tarikh baru, tempat dan masa persidangan representasi Pemohon diadakan. Representasi Pemohon dijadualkan **pada 27-05-2014, jam 9.00 pagi** di PPA Batu Gajah, Perak.*

8....

9. *Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pendengaran representasi Pemohon telah diadakan **pada 27-05-2014** dan dipengerusikan oleh Y.A DATO' FAIZA BINTI ZULKIFLI bersama anggota Lembaga Penasihat iaitu Y.M RAJA HJ. NORDDIN BIN RAJA ZAINAL ABIDIN (dilantik bermula dari 17-09-2012 hingga 16-09-2014) dan PUAN GOH SUAN IM (dilantik bermula dari 17-09-2012 sehingga 16-09-2014) dengan kehadiran Pemohon. Pemohon telah hadir di hadapan Lembaga Penasihat dengan*

diwakili oleh peguam Pemohon iaitu Dato' N. Sivananthan dari Tetuan Sivananthan. Pemohon telah menggunakan peluang representasi dengan sempurna. Saya seterusnya menegaskan bahawa Pemohon telah diberikan hak untuk memanggil saksi-saksi dan diwakili peguam. Sebelum prosiding dijalankan, Pemohon telah ditanya sama ada beliau memahami Bahasa Malaysia dan Pemohon telah memberitahu bahawa beliau faham serta fasih berbahasa Malaysia kerana Pemohon berketurunan Melayu. Walau bagaimanapun, Lembaga Penasihat telah membekalkan ENCIK MOHD KHAIRULLAH BIN OSMAN sebagai pemudah cara. Sebelum prosiding dijalankan, pihak Lembaga Penasihat telah mengarahkan ENCIK MOHD KHAIRULLAH BIN OSMAN untuk berbual-bual terlebih dahulu dengan Pemohon di dalam Bahasa Malaysia bagi memastikan Pemohon faham Bahasa Malaysia yang digunakan. Setelah berpuashati Pemohon faham Bahasa Malaysia yang digunakan, ENCIK MOHD KHAIRULLAH BIN OSMAN telah memaklumkan kepada pihak Lembaga Penasihat bahawa Pemohon faham Bahasa Malaysia yang beliau gunakan. Seterusnya, pihak Lembaga Penasihat telah mengarahkan ENCIK MOHD KHAIRULLAH BIN OSMAN untuk menerangkan kepada Pemohon berkenaan tatacara prosiding representasi tersebut di dalam Bahasa Malaysia dan bersedia untuk membantu Pemohon sekiranya perlu sepanjang persidangan representasi tersebut.

10....

11....

*12. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa Borang-borang I dan II telah diserahkan dengan secukupnya kepada Pemohon. Saya juga menegaskan bahawa Pemohon telah diberikan hak untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Peluang representasi tersebut juga telah digunakan sepenuhnya oleh Pemohon serta dijalankan dengan sempurna **pada 27-05-2014**. Saya juga mengesahkan bahawa Lembaga Penasihat telah membuat rekomendasi*

yang sepatutnya kepada Yang Di-Pertuan Agong berkenaan representasi yang dibuat oleh Pemohon sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

13. *Saya sesungguhnya menyatakan Pengerusi Lembaga Penasihat yang mendengar representasi Pemohon **pada 27-05-2014**, iaitu Y.A DATO' FAIZA BINTI ZULKIFLI telah lama berkhidmat iaitu lebih daripada 25 tahun di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan telah memegang pelbagai jawatan.....*

14.....

15. *Merujuk kepada perenggan 31 Afidavit Pemohon, saya sesungguhnya menafikan dakwaan Pemohon. Saya sesungguhnya mengulangi pernyataan-pernyataan dalam perenggan 13 dan 14 diatas dan menegaskan bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat iaitu Y.A DATO' FAIZA BINTI ZULKIFLI dan anggota Lembaga Penasihat iaitu Y.M RAJA HJ. NORDDIN BIN RAJA ZAINAL ABIDIN dan PUAN GOH SUAN IM telah mendengar representasi Pemohon yang dijalankan **pada 27-05-2014**. Oleh itu saya menegaskan bahawa Lembaga Penasihat yang mendengar representasi Pemohon pada 27-05-2014 adalah suatu badan yang telah ditubuhkan dengan sah di sisi undang-undang. Saya menegaskan bahawa watakah perlantikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah diklasifikasikan sebagai rahsia dan sekiranya dikemukakan, akan mendedahkan kerahsiaan dokumen tersebut.*

[23] Deponan, Raja Hasyimah Binti Raja Bongsu yang bertugas sebagai Setiusaha kepada Lembaga Penasihat dan telah hadir dalam persidangan Lembaga Penasihat mendengar representasi pemohon dengan berulang kali menyatakan bahawa representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada tarikh 27 Mei 2014, dan bukannya pada 9 Jun 2014.

[24] Seterusnya, di perenggan 11 Afidavit Raja Hasyimah menyatakan tarikh 9 Jun 2014 adalah tarikh Lembaga Penasihat telah membuat syor-syor mengenai representasi pemohon kepada Yang Di-Pertuan Agong. Perenggan 11 tersebut menyatakan seperti berikut:

11. Pada 09-06-2014, setelah menimbang representasi yang dibuat oleh Pemohon, Lembaga Penasihat telah membuat syor-syor mengenai representasi tersebut dan mengemukakan kepada Yang Di-Pertuan Agong menurut seksyen 10(1) Akta tersebut. Selanjutnya, setelah menimbang syor-syor Lembaga Penasihat tersebut, pada 04-07-2014, Yang Di-Pertuan Agong telah memperkenankan Perintah Tahanan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah seksyen 6(1) Akta tersebut terhadap Pemohon. Saya tidak dapat....

[25] Dalam Afidavit Balasan Raja Hasyimah (Lampiran 20), deponan yang sama telah menjawab pengataan peguambela pemohon dalam Afidavit Tambahan Sivanantahan (Lampiran 19) yang mendakwa kononnya terdapat persidangan kali kedua Lembaga Penasihat mendengar representasi pemohon pada 9 Jun 2014. Perenggan 4 Afidavit Balasan Raja Hasyimah tersebut menegaskan seperti berikut:

4. Merujuk kepada perenggan 5 Afidavit Tambahan Peguam Pemohon, saya sesungguhnya mengulangi penyataan saya dalam perenggan 9 hingga 14 dalam Afidavit Pertama saya dan menafikan sekeras-kerasnya dakwaan Peguam Pemohon yang menyatakan pendengaran representasi Pemohon telah dijalankan sekali lagi selepas tarikh 27-05-2014 tanpa diwakili oleh peguam Pemohon. Saya sesungguhnya menegaskan sekalilagi bahawa, persidangan representasi Pemohon telah diadakan pada 27-05-2014 dan dipengerusikan oleh Y.A DATO' FAIZA BINTI ZULKIFLI bersama anggota Lembaga Penasihat iaitu Y.M RAJA HJ. NORDDIN BIN RAJA ZAINAL ABIDIN dan PUAN GOH SUAN IM dengan kehadiran Pemohon dan peguam Pemohon iaitu Dato' N. Sivananthan dari Tetuan Sivananthan. Sesungguhnya tiada sebarang

persidangan representasi Pemohon dijalankan selepas tarikh 27-05-2014. Saya juga menegaskan bahawa tiada sebarang notis pendengaran representasi telah diberikan kepada Pemohon kerana sememangnya tiada pendengaran representasi Pemohon dijalankan sekali lagi selepas tarikh 27-05-2014. Oleh yang demikian, dakwaan Pemohon adalah dinafikan sekeras-kerasnya dan tidak berasas sama sekali.

[26] Pengataan dalam Afidavit Balasan Raja Hasyimah di perenggan 4 tersebut di atas langsung tidak dijawab oleh pemohon atau peguam pemohon. Mahkamah ini membuat dapatan bahawa pengataan tersebut dianggap telah diakui (lihat *Ng Hee Thong & Anor v. Public Bank Berhad* [1995] 1 CLJ 609).

[27] Deponan Raja Hasyimah Binti Raja Bongsu di dalam Afidavit Raja Hasyimah telah mempamerkan Borang II (Ex.“RH-2”) untuk pendengaran representasi yang telah diadakan pada 27 Mei 2014. Tiada sebarang Borang II untuk persidangan pada 9 Jun 2014 oleh kerana sememangnya menurut deponan tersebut tidak ada persidangan diadakan pada 9 Jun 2014 untuk mendengar representasi pemohon.

[28] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, Mahkamah ini membuat dapatan bahawa pengataan deponan Mohd Khairullah Bin Osman di perenggan 5 Afidavit beliau di Lampiran 11 yang menyatakan persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 9 Jun 2014, adalah satu salah nyataan (misstatement) dan satu kesilapan menaip (*typographical error*). Dari keterangan-keterangan affidavit yang dikemukakan dalam kes ini, Mahkamah ini mendapati bahawa, terdapat banyak keterangan yang menunjukkan sebenarnya persidangan Lembaga Penasihat untuk mendengar representasi pemohon telah diadakan pada 27 Mei 2014. Sebaliknya keterangan-keterangan yang ada tidak menunjukkan persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada kali kedua pada 9 Jun 2014. Dakwaan peguambela bahawa kemungkinan ada dua kali persidangan Lembaga Penasihat adalah tidak berasas, tidak benar dan hanya satu igauan atau ilusi oleh peguambela dan pemohon semata-mata.



[29] Mengenai isu ketiadaan sebarang affidavit pembetulan telah difailkan oleh Mohd Khairullah Bin Osman tidak lagi berkaitan oleh kerana tarikh 9 Jun 2014 bercanggah dengan keberatan keseluruhan keterangan yang berada dihadapan Mahkamah ini yang sekali gus menyangkal tarikh 9 Jun 2014 tersebut. Oleh itu tiada keperluan mandatori untuk satu affidavit pembetulan difailkan oleh pendemonan tersebut. Kegagalan untuk berbuat demikian tidak fatal terhadap kes responden-responden dan tidak juga menyokong permohonan pemohon dalam apa jua cara sekalipun.

[30] Kesimpulannya, daripada semua keterangan yang berada di hadapan Mahkamah ini, saya mendapati tidak terdapat sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur seperti digariskan di bawah Akta LLPK, Kaedah LLPK, Peraturan atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Saya juga mendapati bahawa Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Responden Pertama terhadap pemohon untuk di tahan bagi maksud pemulihan selama 2 tahun di PPA Batu Gajah, Perak adalah teratur, sah serta berkuatkuasa.

[31] Oleh yang demikian, saya menolak permohonan pemohon untuk pengeluaran writ habeas corpus di dalam Notis Usul di Lampiran 3.

(KAMARDIN HASHIM)
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 2
KUALA LUMPUR

Bertarikh: 5 SEPTEMBER 2014.



[2014] 1 LNS 1308

Legal Network Series

Bagi pihak pemohon - Sivananthan Nithyananthan; Kathrene Susan; T/n Sivananthan

PETALING JAYA

Bagi pihak responden-responden - TPR Suzanne Ak Tiyyom Bimen (TPR Noor Mawarni with her); Jabatan Peguam Negara

PUTRAJAYA

